

**GALAKAN BERDOA
SURAH AL-BAQARAH:186**

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ۖ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ ۗ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي

وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ﴿١٨٦﴾

“Dan apabila hamba-hamba-ku bertanya kepadamu mengenai aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya aku (Allah) Sentiasa hampir kepada mereka; Aku perkenankan permohon orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintah-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik dan betul.”

HURAIAN

Sesungguhnya Allah S.W.T Maha Berkuasa lagi Maha Mendengar. Tiada suatu kuasa pun selain dia yang dapat mendatangkan kebaikan atau manfaat kepada manusia. Oleh itu, Islam mewajibkan umatnya menjuruskan permohonan, permintaan dan doa hanya kepada Allah S.W.T. Memohon sesuatu selain daripada Allah adalah perbuatan yang boleh merosakkan akidah. Tiada satu doa pun yang merupakan tunggak segala ibadah yang tidak didengar oleh Allah S.W.T. Namun demikian, sesuatu permohonan atau doa itu hanya akan dimakbulkan apabila seseorang itu mentaati segala suruhan dan menjauhi larangan Allah S.W.T serta yakin diperkenankan semasa berdoa. Sebarang pelanggaran perintah Allah S.W.T akan mengakibatkan sesuatu doa itu menjadi sia-sia dan ditolak.

KESIMPULAN

Doa memohon kebaikan dan kesejahteraan hendaklah ditujukan hanya kepada Allah S.W.T dan tidak kepada selain –nya, makbulnya sesuatu doa itu adalah bergantung sejauh mana kita mentaati perintah Allah dan rasul-Nya. Oleh itu, setiap doa perlu diiringi dengan ketaatan yang sebenar bagi menjamin doa kita diperkenankan oleh Allah S.W.T.

Sumber : Koleksi Artikel Tafsir JAKIM

© 2007 Masjid Negara Online.